

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

**APRIL 2000**

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan

oleh

**ELLY MARINA BINTI HAZANI**

bertajuk

**KAJIAN KESESUAIAN PERLETAKAN STESEN BAS DI PUSAT BANDAR  
KLANG**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk  
memperolehi Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah

Penyelia

Koordinator

Ketua Kursus

## PENGHARGAAN

### ***Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Pemurah***

Segala puji bagi Allah S.W.T. Syukur kehadiran Ilahi dengan kehendaknya, Kajian Akhir yang merupakan salah satu syarat penganugerahan Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah ini berjaya disiapkan dengan sepenuhnya. Walaupun pada hakikatnya, banyak rintangan dan dugaan yang terpaksa ditempuhi, namun, berkat kesabaran dan kepercayaan kepada diri, akhirnya mewujudkan kekuatan dalam jiwa untuk saya meneruskan perjuangan ini.

Dikesempatan ini juga, saya ingin menguraikan jutaan terima kasih dan sekalung budi khas untuk En. Hanafi Ismail selaku Penyelia Kajian Akhir ini yang tidak pernah putus memberikan panduan, tunjuk ajar, pandangan dan kritikan yang secara tidak langsung telah memberikan keyakinan untuk saya terus menjalankan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan buat Puan Hafazah Abd. Karim yang bertindak sebagai Koordinator Kajian Akhir. Selain dari itu juga, ucapan terima kasih ini juga saya khaskan untuk kesemua pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur yang banyak membantu semenjak mula saya menjejaki ke bumi Universiti Teknologi Mara ini lagi.

Disini saya juga turut ingin merakamkan ucapan terima kasih untuk pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Majlis Perbandaran Klang terutama di bahagian Jabatan Perancangan Bandar yang telah memberi kerjasama dan pertolongan yang sewajarnya. Disamping itu juga, kepada pihak pengurusan Stesen Bas Klang dan pihak pengusaha-pengusaha bas diatas segala maklumat-maklumat yang diberikan.

Selain dari itu, penghargaan juga diucapkan buat teman-teman seperjuangan DPBW Mei 1997 – Apr 2000 khasnya buat Fareza, Noor Anieza, Islia, Rosiah, Aini, Suhaily,

## ABSTRAK

Kajian Kesesuaian Perletakan Stesen Bas di Pusat Bandar ini adalah merupakan satu kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesesuaian perletakan stesen bas Klang di pusat bandar Klang.

Secara amnya, isu permasalahan perletakan stesen bas telah sering kali berlegar di media cetak. Keadaan ini disebabkan oleh permasalahan yang timbul hasil dari perletakannya di satu sudut dalam kawasan bandar. Ini kerana perletakannya bukan sahaja menimbulkan permasalahan dari aspek pencemaran malah juga kepada pengaliran lalulintas. Keadaan stesen bas yang mempunyai saiz yang lebih besar berbanding kenderaan biasa menyebabkan ianya sering menyebabkan kesesakan lalulintas. Selain daripada itu juga, kajian ini turut mengupas permasalahan yang timbul di stesen bas Klang ini daripada penyediaan kemudahannya. Ini kerana, perancangan sebuah stesen bas itu juga dilihat sebagai satu kemudahan yang perlu disediakan bagi keperluan orang awam.

Fenomena ini juga dilihat sering wujud terutama di kawasan bandar yang semakin membangun di mana perancangan perletakan dan aliran lalulintas memainkan peranan yang sangat penting terhadap isu ini.

Begi mendapatkan respon daripada para pengguna yang menggunakan stesen bas ini, pelbagai kaedah digunakan mengikut kepada peringkat-peringkat yang telah diatur. Dalam kajian ini, kaedah pengamatan dan soal selidik adalah dua elemen penting yang membantu bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang permasalahan di kawasan kajian.

Berpanduan kepada perjalanan kajian ini memperlihatkan isu utama yang banyak dikemukakan oleh pengguna adalah bersangkutan dengan penyediaan dan perancangan kemudahan-kemudahan di stesen bas ini dimana telah wujud banyak kelemahan dan kekurangan terhadapnya. Selain dari itu juga, isu berkenaan simpang yang bermasalah akibat dari aliran masuk bas di kawasan sekitar stesen bas ini juga turut memberikan kesan negatif terhadap perspektif pandangan pengguna.

Secara amnya, permasalahan yang wujud adalah lebih banyak berkait dengan masalah kemudahan. Ini kerana, berdasarkan kajian dan ditambah dengan pandangan yang dikeluarkan oleh pengguna stesen bas itu sendiri menyatakan bahawa perletakan stesen bas Klang ini adalah bersesuaian dengan jarak-jarak ke kawasan sekitarnya kerana perletakannya di pusat bandar yang kaya dengan kepelbagaian aktiviti. Walaubagaimanapun, kejayaan stesen bas ini tidak berupaya untuk dicapai sepenuhnya disebabkan oleh aspek kemudahan yang kurang memuaskan dan tidak berupaya memainkan peranan dengan sepenuhnya.

Penghargaan	i
Abstrak	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Foto	xiii
Senarai Lampiran	xiv
Senarai Singkat Kata	xiv

## KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Masalah	2
1.2	Tujuan	3
1.3	Objektif	4
1.4	Skop Kajian	5
1.5	Kaedah dan Peringkat Kajian	6
1.6	Kawasan Kajian	10
BAB 2	KAJIAN TEORITIKAL	
2.0	Pengenalan	13
2.0	Definisi Pengangkutan Awam	14
2.1	Objektif Pengangkutan Awam	14
2.2	Jenis Operasi Pengangkutan Awam	15

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Dewasa ini, pengangkutan awam adalah merupakan antara elemen yang penting dan diperlukan bagi membolehkan pergerakan orang ramai dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Selain daripada itu, perkhidmatan pengangkutan awam juga berperanan untuk membawa orang ramai yang juga penumpang dengan jarak tertentu.

Perkhidmatan bas merupakan antara perkhidmatan yang sering digunakan masa kini. Perkhidmatan bas pula mempunyai beberapa jenis seperti bas ekspres, bas mini, bas ke luar daerah dan lain-lain di mana jenis-jenis bas ini mempunyai beberapa syarikat yang menguruskannya. Selain daripada itu, perkhidmatan teksi juga tidak kurang pentingnya terutama bagi mereka yang berpendapatan agak tinggi. Ini bermakna perancangan perkhidmatan pengangkutan awam ini adalah penting kerana melibatkan penyediaan kemudahan perkhidmatan kepada pelbagai peringkat golongan.

Oleh yang demikian, perkhidmatan pengangkutan awam ini memerlukan terminal atau stesenya yang tersendiri bagi memudahkannya menjalankan perkhidmatannya. Selain daripada itu, terminal atau stesen ini akan menjadi tumpuan orang ramai yang ingin